



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	21/01/2018

# Pemilihan Tun M untuk pecah sokongan Melayu

BH - 21/8/2018 pg 7



Anina ketika ditemui di Kuala Lumpur, semalam.

➔ **Pembangking tiada calon yang layak untuk jadi Perdana Menteri**

Oleh **Mohd Nasaruddin Parzi**  
bhnews@bh.com.my

➔ **Kuala Lumpur**

**P**akatan pembangkang akan terus bertelagah dan berantakan mengenai pemilihan calon Perdana Menteri jika gabungan itu memenangi Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14 (PRU-14).

Seorang daripada bekas pengasas Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Kamarulazaman Habibur Rahman, berkata pembangkang ketika ini memang tidak mempunyai calon Perdana Menteri yang layak, malah Tun Dr Mahathir Mohamad sendiri tidak pernah dicadangkan oleh PPBM pada awal penubuhan parti itu.

Sebaliknya, katanya, pembangkang terpaksa menggunakan semula Dr Mahathir untuk memecahkan sokongan Melayu, terutama dalam UMNO, tetapi untuk mempersetujui be-

kas Perdana Menteri itu bagi menerajui kerajaan semula adalah mustahil.

"Kalau pembangkang menang, berapa PPBM akan menang? Saya rasa 15 kerusi saja. Macam mana parti dengan hanya menang 15 kerusi ini mereka boleh tampilkan seorang calon untuk menjadi Perdana Menteri.

"Memang mereka tanding lebih 50 kerusi tapi mahu menang di 15 kerusi bukannya mudah, apatah lagi kalau DAP yang boleh menang 35 kerusi," katanya ketika ditemui di sini semalam.

### Tiada perjuangan masa depan

Beliau mahu rakyat merenung dan berfikir sejenak adakah negara boleh diperjudikan dengan memilih seorang Perdana Menteri yang berusia 93 tahun, hanya bersandarkan rekod pencapaiannya masa lalu.

Seorang lagi bekas pengasas PPBM, Anina Saadudin, menjelaskan calon Perdana Menteri yang ditampil pembangkang langsung tidak menampakan sebuah perjuangan masa depan.

Katanya, seharusnya pembangkang memilih calon Perdana Menteri lebih segar yang memiliki wawasan dan hala tuju jelas, bukannya Dr Mahathir yang sudah bersara dari kerajaan sejak belasan tahun lalu.

### Perlu tampil calon PM lebih sesuai

"Kalau pakatan pembangkang betul-betul mahu bawa perubahan, calon Perdana Menteri mesti ditampikan dengan calon yang segar. Tapi sekarang, bukan perubahan.

"Ini memperkudakan dan memperodohkan rakyat untuk memilih pemimpin yang mengikut selera mereka hanya untuk menang pilihan raya," katanya.

Beliau yang juga bekas Ketua Srikandi PPBM turut hairan dengan sikap pemimpin pembangkang terutama pemimpin kanan PKR yang boleh melumpuhkan prinsip dengan menyokong seorang individu yang pernah memenjarakan Ketua Umum parti itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Calon Perdana Menteri pembangkang adalah orang yang bertanggungjawab memenjarakan suami kepada calon Timbalan Perdana Menteri pembangkang ketika ini," katanya.

Justeru, beliau berangapan kecelaruan inilah yang menyebabkan rakyat, terutama pengundi muda mual dan tidak berminat dengan perjalanan politik negara sehingga menyebabkan 3.47 anak muda tidak mahu mendaftar sebagai pengundi.



Kamarulazaman Habibur Rahman, Bekas Pengasas PPBM

**Pembangking terpaksa menggunakan semula Dr Mahathir untuk memecahkan sokongan Melayu terutama dalam UMNO"**

**Kamarulazaman Habibur Rahman,**  
Bekas Pengasas  
PPBM